

UPM TERUS TINGKAT MUTU PENGAJIAN

Oleh Noor Azam
Abd Aziz

azam@hmetro.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini, mengumumkan pelancaran beberapa kemudahan terbarunya dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan serta pendidikan bertaraf dunia untuk graduan-nya.

Antara kemudahan berkenaan ialah Pusat Pembangunan Akademik, Pusat Pendidikan Luar dan Akademi Sukan.

Pengumuman berkenaan dibuat Naib Canselor UPM, Prof Datuk Mohd Zohadie Bardiae sempena Majlis Perutusan Tahun Baru di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis berkenaan turut dihadiri pegawai kanan, pensyarah, kakitangan UPM dan mahasiswa dari semua fakulti.

Datuk Mohd Zohadie dalam ucapannya berkata pembubuhan Pusat Pembangunan Akademik bertujuan meningkatkan mutu pengajaran menerusi pelbagai program selain meningkatkan persaingan pensyarah dalam bidang pengajaran.

Menurutnya, universiti turut menstruktur semula Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL) dan Pusat Program Luar untuk membentuk Pusat Pendidikan Luar.

Tubuh Pusat Pembangunan Akademik, Pendidikan Luar dan Akademi Sukan

"UPM turut menubuhkan jawatan kuasa yang melakuk-an penilaian secara berkala berhubung mutu program ditawarkan menerusi kae-dah pendidikan jarak jauh bagi meningkatkan kualiti program dan graduan," kata-

nya. Penubuhan Akademi Sukan pula untuk memperting-katkan prestasi sukan mene-rusi pendekatan profesional dan saintifik dalam bidang yang dikenal pasti.

Usaha itu katanya termasuk mempertingkatkan ke-upayaan pengurusan, me-nambah sumber manusia terlatih, membuka peluang latihan bertaraf profesional serta membantu perkemba-gan sukan universiti.

Datuk Mohd Zohadie Bar-diae mengingatkan kepada semua warga kampus supa-y memahami kembali pengertian sebenar universiti bertaraf dunia yang ingin dicapai supaya berkongsi kefa-haman dan falsafah sama.

"Universiti bertaraf dunia yang ingin dicapai ialah menjadi sebuah komuniti cendekiawan dan intelek reputasi antarabangsa yang menjadi kebanggaan nega-

ra," katanya.

UPM turut menggalakkan semua fakultinya menda-patkan pengiktirafan ISO 9000 sebagai jaminan untuk menawarkan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti tinggi.

Dalam majlis yang sama, Datuk Mohd Zohadie Bar-diae menyatakan komit-mennya menjadikan UPM sebagai peneraju pembangunan dan kemajuan sektor pertanian rantau ini.

Malah, beliau berharap matlamat menjadi pusat perkhidmatan profesional dan pendidikan lanjutan yang cemerlang dapat dica-pai sepenuhnya.

"Ke arah matlamat itu, Pu-sat Pemajuan Profesional (Profesional Advancement Centre) yang ditubuhkan ta-hun lalu berjaya menganjur-kan lima kursus menyediakan peluang pembelajaran profesional secara berter-u-san," katanya.

Beliau turut mengingatkan semua pegawai di UPM tidak tertekan untuk mencapai matlamat universiti bertaraf dunia kerana semuanya dilakukan berdasarkan semangat yang tinggi.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM



LANCAR...Dr Mohd Zohadie Bardaie (kiri) diiringi Prof Madya Zainal Abidin Kidam melancarkan perasmian Majlis Perutusan Tahun Baru dengan aplikasi komputer untuk ditatapi semua warga kampus yang hadir.